

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL  
AZIZ  
[TANAH MERAH - BN]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN (NO. 37)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam usaha meningkatkan kutipan pingat dalam Sukan Olimpik akan datang.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang meneliti beberapa perancangan dalam usaha meningkatkan kutipan pingat dalam Sukan Olimpik yang akan datang antaranya ialah;
  - a) mengenal pasti jenis-jenis sukan tertentu yang berpotensi untuk cemerlang di peringkat Sukan Olimpik dengan memperkukuhkan lagi program-program pelapis yang akan menjadikan Sukan SEA 2017 dan Sukan Para ASEAN sebagai asas pemilihan yang penting;
  - b) menerokai potensi beberapa sukan yang baharu yang akan diperkenalkan di Tokyo 2020 seperti sukan Karate-do dan *Sports Climbing* yang memungkinkan bakat-bakat yang ada dapat dikenalpasti dan dibentuk ke arah Tokyo 2020;
  - c) meningkatkan lagi aplikasi sains dan teknologi bagi beberapa jenis sukan seperti sukan pelayaran, menembak, memanah dan berbasikal yang banyak memainkan peranan dalam mempengaruhi prestasi;
  - d) memastikan perkhidmatan sains dan perubatan sukan di integrasikan di dalam program latihan secara "*dedicated to the athlete*" seawal mungkin. Melalui Program Podium yang telah dilaksanakan sejak awal tahun 2016, pengukuhan

## SULIT

sistem sokongan program ini akan dipertingkatkan yang dijangkakan akan dirasai impaknya di Sukan Asia dan Komanwel 2018 tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi;

- e) Memperkukuhkan lagi persatuan-persatuan sukan kebangsaan melalui program pemerksaan pengurusan badan sukan di samping memastikan bahawa perancangan dan pelaksanaan program-program latihan atlet prestasi tinggi tidak terjejas dengan sebarang perubahan dasar;
- f) memperluaskan lagi tapak pembangunan bakat sukan yang membolehkan program pembangunan dan pembentukan prestai tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kesenambungan struktur pembangunan sukan yang baik akan memastikan lebih ramai lagi bakat-bakat baru akan dapat diketengahkan;
- g) membina "*winning mentality*" dalam kalangan rakyat kita, khususnya bakat-bakat sukan negara yang merangkumi kedua-dua golongan atlet normal dan atlet kelainan upaya; dan
- h) pemantauan rapi terhadap atlet akan dibuat dengan penyediaan Sistem Pengurusan Data Atlet yang diwujudkan dibawah pelan pengurusan prestasi individu. Perisian tersebut digunakan untuk menyediakan data dari aspek saintik dan teknikal seperti tahap kecergasan dan kesediaan serta tahap psikologi atlet. Selain itu, perisian ini juga dijadikan sebagai alat komunikasi antara jurulatih, atlet dan

**SULIT**

pasukan sokongan bagi memantau dan mengoptimumkan latihan.

Sekian, terima kasih.